



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

## IKLAN PENGAMBILAN

---

### PELAWAAN UNTUK MENJADI ANGGOTA TRIBUNAL BAGI ANTIGANGGUAN SEKSUAL KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

1. Tribunal bagi Antigangguan Seksual (TAGS), Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) membuka peluang kepada calon-calon yang berminat dan sesuai untuk dilantik sebagai **Anggota Tribunal bagi Antigangguan Seksual sepertimana diperuntukkan di bawah seksyen 4 (1)(b) (i) dan (ii) dan seksyen 4 (1)(c), Akta Antigangguan Seksual 2022 [Akta 840]**.

#### SYARAT DAN KRITERIA PERMOHONAN

2. Calon adalah dipelawa daripada kalangan:
  - i) Individu yang merupakan anggota atau pernah memegang jawatan dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; atau
  - ii) merupakan peguam bela dan peguam cara di bawah Akta Profesion Undang-Undang 1976 [Akta 166], Ordinan Peguam Bela Sabah [*Sabah Bab 2*] atau Ordinan Peguam Bela Sarawak [*Sarawak Bab 110*] dan menjalankan amalan tidak kurang daripada tujuh tahun; atau
  - iii) mempunyai pengetahuan atau pengalaman dalam pengendalian kes atau aduan gangguan seksual.

3. Individu yang memohon perlu memenuhi syarat dan kriteria umum seperti berikut:
  - i) Lulus tapisan keutuhan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (bagi Pegawai Perkhidmatan Awam);
  - ii) Perakuan bebas daripada tindakan tatatertib (bagi Pegawai Perkhidmatan Awam);
  - iii) Perakuan bebas daripada status muflis; dan
  - iv) Tidak pernah disabitkan dengan kesalahan jenayah atau mana-mana kesalahan berat lain.
  
4. Selain daripada itu, keutamaan dalam pengambilan anggota akan diberikan kepada individu yang memenuhi syarat dan kriteria tambahan seperti berikut:
  - i) Mempunyai pengalaman dan pengetahuan dalam mengendalikan kes-kes sivil gangguan seksual atau jenayah berkaitan kesalahan seksual [bagi lantikan anggota sepertimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 4(b)(i) dan (ii), Akta 840];
  - ii) Mempunyai fleksibiliti untuk bertugas di luar kawasan pejabat dan boleh memberikan tarikh lapang yang mencukupi untuk pendengaran aduan di TAGS; dan
  - iii) Bersetuju untuk mematuhi Arahan TAGS dan Kod Etika Anggota TAGS.

#### **KAEDAH PERMOHONAN**

5. Calon yang berminat dan memenuhi syarat di Perenggan 2, 3 dan 4 untuk dilantik sebagai anggota TAGS perlu mengemukakan permohonan dan dokumen seperti berikut:

Bil	Jenis Calon	Kaedah Permohonan	Senarai Dokumen
A.	Pegawai Perkhidmatan Awam yang <b>SEDANG</b> berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia	Borang Permohonan perlu dikemukakan <b>melalui Ketua Jabatan</b> masing-masing berserta dokumen-dokumen yang telah disahkan oleh Ketua Jabatan kepada alamat urus setia pengambilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang Permohonan (<b>muat turun melalui kod QR yang dilampirkan</b>);</li> <li>ii. Salinan kad pengenalan;</li> <li>iii. Senarai deskripsi tugas yang terkini;</li> <li>iv. Salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Ijazah Kedokteran;</li> <li>v. Satu (1) salinan Buku Perkhidmatan Kerajaan yang telah dikemas kini; dan</li> <li>vi. Satu (1) salinan MyPerformance Tahun 2025 (perlu dimohon daripada Bahagian Pengurusan Sumber Manusia)</li> </ul>
B.	Pegawai yang <b>TIDAK</b> berkhidmat dengan Kerajaan Malaysia	Borang Permohonan berserta dokumen-dokumen berkaitan yang telah disahkan oleh <b>pegawai kerajaan kumpulan pengurusan dan profesional diperingkat Persekutuan/ Negeri/ Pesuruhjaya Sumpah</b> dikemukakan secara terus kepada alamat urus setia pengambilan	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Borang Permohonan (<b>muat turun melalui kod QR yang dilampirkan</b>);</li> <li>ii. Salinan kad pengenalan;</li> <li>iii. Salinan Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan</li> <li>iv. Salinan Sijil Ijazah Sarjana Muda/ Sarjana/ Ijazah Kedokteran</li> </ul>

6. Calon-calun yang mempunyai pengalaman dan kelayakan sepertimana yang dinyatakan di Perenggan 2(ii) perlu mengemukakan bukti bahawa calon telah beramal sebagai peguam bela dan peguam cara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun dengan mengemukakan:
  - i. Salinan Sijil Amalan Guaman terkini yang sah dan aktif pada masa permohonan dibuat, bersama salinan Sijil Amalan Guaman bagi tahun-tahun terdahulu yang mencukupi untuk membuktikan bahawa calon telah beramal bagi tempoh terkumpul tidak kurang daripada tujuh (7) tahun, serta senarai dokumen yang dinyatakan dalam Jadual di Perenggan 5; atau
  - ii. Surat Pengesahan daripada Majlis Peguam atau Unit Sijil Amalan yang mengesahkan bahawa calon telah beramal sebagai peguam bela dan peguam cara selama tempoh tidak kurang daripada tujuh (7) tahun, berserta senarai dokumen yang dinyatakan dalam Jadual di Perenggan 5.
7. Bagi calon-calun yang mempunyai kelayakan profesional psikologi/kaunseling, calon-calun perlulah **berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia** dan **salinan Sijil Pendaftaran Kaunselor Berdaftar dan Salinan Sijil Perakuan Amalan terkini** perlu dikemukakan bersama senarai dokumen yang dinyatakan dalam jadual di Perenggan 5.
8. Semua permohonan berserta dokumen lengkap yang diperlukan hendaklah dikemukakan **selewat-lewatnya pada atau sebelum 30 Jun 2026 (Selasa)** secara dalam talian melalui e-mel: [pengambilan.tags@kpwkm.gov.my](mailto:pengambilan.tags@kpwkm.gov.my) dan secara fizikal ke alamat berikut:

**Presiden**

**Tribunal bagi Antigangguan Seksual**

**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

**Aras 26, Menara Aras Raya**

**No.11, Jalan Raja Laut**

**50350 KUALA LUMPUR**

**(u.p.: Setiausaha Tribunal bagi Antigangguan Seksual)**

## TEMU DUGA

9. Calon-calon yang berjaya akan disenarai pendek **dan menjalani satu (1) sesi temu duga. Calon yang berjaya dalam temu duga tersebut dan memenuhi syarat-syarat pelantikan akan dilantik.** Sekiranya tiada sebarang maklum balas daripada KPWKM berhubung dengan permohonan atau keputusan temu duga, permohonan calon adalah dianggap tidak berjaya. Walau bagaimanapun, permohonan boleh dibuat semula sekiranya terdapat kekosongan berdasarkan iklan pengambilan anggota yang dikeluarkan pada masa akan datang.

## MAKLUMAT UNTUK DIHUBUNGI

10. Sebarang pertanyaan dan maklumat berhubung perkara ini boleh diajukan kepada pihak urus setia pengambilan seperti berikut:

### URUS SETIA PENGAMBILAN

No. Telefon : 03 – 2694 0524 atau 03 – 2694 0717

E-mel : [pengambilan.tags@kpwkm.gov.my](mailto:pengambilan.tags@kpwkm.gov.my)

## PAUTAN/KOD QR BORANG PERMOHONAN



<https://docs.google.com/document/d/1MTEFaL7zmZCaPFMh0IFTtvthl1MqUvMt/edit?usp=sharing&ouid=103904005380799890464&rtpof=true&sd=true>

## **MUAT TURUN BORANG PERMOHONAN MELALUI PAUTAN KOD QR**

- 1. Imbas kod QR melalui telefon bimbit untuk mendapatkan akses ke pautan dokumen.**
- 2. Pautan dokumen yang diakses adalah dalam format *Google Docs* secara dalam talian (*read only*).**
- 3. Muat turun borang tersebut dalam format *Microsoft Word* dan isi secara luar talian (*offline*).**  
**Nota: [Tiada keperluan untuk memohon kebenaran pindaan secara dalam talian (*No need to request for edit access*)]**
- 4. Borang yang telah lengkap diisi secara luar talian (*offline*) perlu dicetak, ditandatangani dan dikemukakan bersama dokumen-dokumen lain yang berkaitan kepada urus setia pengambilan sebagaimana arahan Iklan Pengambilan.**